



## KENYATAAN MEDIA STATUS TERKINI WABAK RABIES 10 MEI 2021

Pada hari ini YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, merangkap Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah mengisyiharkan **DUA (2) lagi kawasan baru wabak Rabies** seperti berikut:

- 1) PEDAAN, BARAM, TELANG USAN, MIRI**
- 2) PEKAN TATAU, TATAU, BINTULU**

Pengistiharan ini adalah berikutan kes positif ujian makmal keatas dua anjing liar yang ditangkap semasa surveyan aktif di Kawasan berkenaan. Memandangkan kedua-dua kawasan ini berada di luar 10 km radius kawasan yang telah diisyiharkan, maka ianya kawasan baru wabak rabies yang **ke-68 dan ke-69**.

Setakat ini, sebanyak **69** kawasan telah diisyiharkan sebagai kawasan wabak rabies sejak Julai 2017 iaitu Kuching (7), Samarahan (4), Serian (22), Sri Aman (6), Betong (3), Sarikei (5), Sibu (2), Kapit (1), Mukah (6), Bintulu (5), Miri (7) dan Limbang (1).

Pemilik anjing sekali lagi diingatkan supaya memastikan anjing mereka diberi suntikan vaksin anti-rabies setiap tahun. Suntikan vaksin rabies boleh didapati dimana-mana Pejabat Veterinar atau klinik Haiwan swasta. Kegagalan berbuat demikian boleh disabit kesalahan dibawah Seksyen 40, Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999. Denda tidak melebihi RM2,500 dan anjing boleh di tangkap dan *Targeted Removal* sekiranya tanpa bukti pemvaksinan anti-rabies. Membiaran anjing lepas bebas atau membawa anjing keluar dari kawasan wabak rabies tanpa kebenaran bertulis daripada *State Veterinary Authority* merupakan kesalahan dibawah Seksyen 37, dan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan.

Pemilik haiwan kesayangan perlu memandulkan anjing dan kucing mereka untuk mengawal pembiakan haiwan tersebut dan elakkan anjing dari bercampur dengan haiwan liar ataupun *strays*. Tanda-tanda penyakit rabies pada haiwan adalah; perubahan sikap, agresif, menggigit dan mulut berbuih, sensitif terhadap sentuhan, air, cahaya dan suara, hilang selera makan atau minum, lesu, lumpuh dan akhirnya mati. Haiwan yang menunjukkan tanda-tanda tersebut **wajip** dilaporkan segera kepada JPVS di talian +6082-628248 / +6082-610023 (*Epidemiology & Surveillance Unit*) / +6016-2557267 (Rabies WhatsApp/Message). Mangsa yang digigit atau dicakar **harus** pergi ke hospital dengan segera bagi mendapat rawatan lanjut. Rawatan segera boleh menyelamatkan nyawa.